

**MUHAMAD TAKIYUDDIN Ismail**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## KONSERVATISME DALAM POLITIK UMNO CONSERVATISME IN UMNO POLITICS

*Artikel ini membahaskan hubungan konservatisme di dalam politik Malaysia khususnya dalam praktik parti dominan, UMNO yang mengetuai Barisan Nasional (BN). Ia menyarankan bahawa penginstitusian konservatisme merupakan elemen fokal parti tersebut seperti yang tergambar jelas dalam karektor dan kelangsungannya sebagai sebuah parti yang sentiasa berusaha mengekalkan status quo. Hal ini diperjelaskan dengan lebih tepat melalui gagasan Nilai Asia yang mengandungi keselarian yang signifikan dengan ideologi konservatisme. Di bawah era Mahathir Mohamad (1981-2003), konservatisme diperkuuhkan menerusi kepercayaan bahawa perubahan atau pertukaran rejim boleh menganggu-gugat kestabilan dan proses pembangunan. Begitu pun, kajian mengenai konservatisme umumnya masih terabai dan tidak ada kajian sistematis pernah dilakukan berhubung penembusan konservatisme dalam psikologi politik UMNO. Dengan melihat kepada persoalan tentang terhadap perubahan yang berlaku dalam era Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009), kajian mengenai konservatisme boleh diketengahkan sebagai kerangka teoritikal dalam memahami dinamika intra-elit UMNO dalam menghadapi reformasi politik.*

**Katakunci:** *Konservatisme, UMNO, Mahathir Mohamad, Abdullah Ahmad Badawi*

*This article debates the relationship of conservatism in Malaysian politics, especially in the practice of the dominant party, the UMNO-led Barisan Nasional. It suggests that the institutionalization of conservatism is the party's focal element, as clearly illustrated in its character and survival as a party that strives to maintain the status quo. This is explained more precisely by the idea of Asian Values that overlaps significant with the ideology of conservatism. Under the Premiership of Mahathir Mohamad (1981-2003), conservatism was consolidated through the belief that political change or regime change would disrupt stability and development. By and large, the study of conservatism remains neglected. No systematic study has been done on the penetration of conservatism in UMNO's political psychology. By looking at the question of resistance to change in the era of Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009), conservatism can be put forward as a theoretical framework in understanding intra-elite dynamics within UMNO in the face of political reform.*

**Keywords:** *Conservatism, UMNO, Mahathir Mohamad, Abdullah Ahmad Badawi*

## Pengenalan<sup>1</sup>

Konservatisme merupakan ideologi yang seringkali dilihat dengan konotasi yang negatif. Persepsi sebegini adalah difahami kerana sekian banyak kajian menganggap konservatism merupakan istilah yang cukup menimbulkan kesukaran dan sering diperdebatkan.<sup>2</sup> Malah di Amerika Syarikat yang mempunyai parti politik konservatif, penggunaannya turut menimbulkan kontroversi seperti yang terlihat dalam kajian yang dilakukan oleh John T. Jost dan rakan-rakannya yang lain.<sup>3</sup> Namun fakta ini tidak harus dijadikan penghalang untuk menerokainya sebagai satu lensa yang berpotensi dalam menganalisis karektor dan kelangsungan UMNO sebagai sebuah *ancien regime*. Hal ini sejajar dengan pengamatan bahawa;

*“Conservatives had been among the most powerful political actors in many societies during the 20<sup>th</sup> century and there seems no reason for a substantial change in the coming years. But the scholar interest to Conservatism still remains weak and Conservatism is mostly neglected as an ideology or a theoretical tool to interpret socio-political phenomena.”<sup>4</sup>*

Bagi menjustifikasikan hujah ini dalam konteks Malaysia, artikel ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama ialah melihat kedudukan konservatism sebagai sebuah ideologi dan aplikasinya dalam konteks UMNO. Bahagian kedua pula akan melihat wacana konservatism dalam praktik politik UMNO melalui beberapa kajian yang telah dilakukan sarjana. Bahagian terakhir artikel ini disimpulkan dengan hujah bahawa kajian mengenai konservatism masih terabai dan wujudnya keperluan untuk mengisi lompong ini dengan melihat pengaruhnya sebagai instrumen pengekalan status quo khususnya dalam era Abdullah Ahmad Badawi.

## Konservatisme : Kedudukan dan Aplikasinya

Pandangan pertama melihat konservatism hanya merupakan karektor atau kecenderungan memilih sesuatu kebiasaan yang telah terbukti.<sup>5</sup> Golongan seperti Michael Oakeshott dan Russel Kirk menolak konservatism sebagai sebuah ideologi atau sebarang penteorian abstrak sepertimana juga yang dihujahkan oleh tokoh yang sering

<sup>1</sup> Pengkaji menyampaikan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia yang membantu penyediaan kajian ini melalui geran USM-RU-PRGS dan juga Universiti Kebangsaan Malaysia-Kementerian Pengajian Tinggi yang menaja pengajian Ph.D pengkaji. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada beberapa sarjana yang memberikan idea dan perspektif tambahan seperti Profesor Madya Dr. Ahmad Fauzi Abdul Hamid (USM), Profesor Mohamad Abu Bakar (Universiti Malaya), Dr. Ooi Kee Beng (Institut of Southeast Asian Studies, Singapura) dan Profesor Dr. Garry Rodan (Murdoch University, Australia).

<sup>2</sup> Lihat antaranya Robert A. Nisbet, “Conservatism and Sociology”, *The American Journal of Sociology*, 58, no. 2 (1952); Herbert McClosky, “Conservatism and Personality”, *The American Political Science Review*, 52, no. 1 (1958); Hans-Gerd Schumann, “The Problem of Conservatism: Some Notes on Methodology”, *Journal of Contemporary History*, 13, no. 4 (1978).

<sup>3</sup> Lihat John T. Jost, Jack Glaser, Arie W. Kruglanski and Frank J. Sulloway, “Political Conservatism as Motivated Social Cognition”, *Psychological Bulletin*, 129, no. 3 (2003).

<sup>4</sup> Tagline bagi pengajuran A Conference of Conservatism Studies: New conservatisms and New Approaches anjuran Anglo American University, Prague, 14-15 Mei 2010, <http://www.conservatismconference.org/call.html> (akses pada 21 Oktober 2009).

<sup>5</sup> Michael Oakeshott, *Rationalism in Politics and other essays* (London: Methuen & Co.Ltd, 1967), hlm. 168-169; Russel Kirk, *The Politics of Prudence*, Detroit: ISI Books, 1993, hlm.1-4.

diangap sebagai pengasas konservatisme, Edmund Burke (1729-1797).<sup>6</sup> Dalam konteks umum, pandangan pertama ini merupakan sifat konservatif yang secara amnya dipunyai oleh semua manusia pada setiap masa dan tidak dapat dielakkan.<sup>7</sup> Tafsiran kedua pula melihat konservatisme dalam bentuk yang lebih sistematik iaitu sebagai sebuah falsafah, ideologi, teori, dan sistem kepercayaan.<sup>8</sup> Biarpun diakui istilah-istilah ini mempunyai kedudukan dan perbezaan yang tersendiri, dapatan yang ditemui dalam kajian-kajian mengenai konservatisme tidak menampakkan satu pemisahan besar memandangkan ia sering digunakan secara bersilih ganti khususnya dalam konteks negara-negara Asia seperti Malaysia.<sup>9</sup> Duluan (*precedent*) yang diperolehi dari kajian-kajian ini juga mencadangkan bahawa konservatisme boleh digunakan sebagai ideologi yang mendasari sistem politik Malaysia. Hal ini kerana ideologi boleh dianuti secara tidak disedari dan tidak semestinya diinstitusikan secara nyata.<sup>10</sup> John Funston dalam kajiannya mengenai ideologi parti UMNO dan PAS sememangnya mengakui bahawa ideologi tidak wujud secara jelas khususnya dalam perjuangan rejim pemerintah. Begitu pun, sesuatu yang menurutnya mempunyai “dasar ideologi yang implisit” dan unsur “praktikal” boleh mencakupi maksud ideologi yang sebenarnya.<sup>11</sup> Hujah ini dapat menerangkan penggunaan ideologi dari perspektif yang berbeza seperti yang dilakukan dalam beberapa kajian seperti ideologi di kalangan elit pentadbiran awam,<sup>12</sup> ideologi Mahathirisme,<sup>13</sup> ideologi developmentalisme,<sup>14</sup> dan ideologi negara pembangunan.<sup>15</sup> Justeru, ia sekaligus memperlihatkan bahawa ideologi tidak seharusnya diterhadkan tafsirannya terhadap apa yang tersingkap secara eksplisit. Bagi melanjutkan hujah ini, perbincangan akan melihat kepada wacana konservatisme dalam politik Malaysia yang boleh ditemui dalam dua konteks.

Konteks pertama ialah dalam melihat spektrum politik khususnya dengan menelusuri perbincangan mengenai gerakan nasionalisme Tanah Melayu. Aliran “kanan” mewakili kuasa politik yang dominan iaitu pemerintahan kerajaan Perikatan/BN yang

<sup>6</sup> Iain Hampsher-Monk, *The Political Philosophy of Edmund Burke* (London: Longman, 1987), hlm.32.

<sup>7</sup> Hans-Jurgen Puhle, ‘Conservatism in Modern Germany’, *Journal of Contemporary History*, 13, no.4 (1978), hlm. 692.

<sup>8</sup> Lihat kepelbagaian ini dalam Matthew Festenstein dan Michael Kenny, *Political Ideologies* (Oxford: Oxford University Press, 2005), hlm.119-174.

<sup>9</sup> Lihat contohnya tiga kajian penting yang menghubungkaitkan konservatisme dan Nilai Asia seperti Garry Rodan, “The Internationalization of Ideological Conflict: Asia’s New Significance”, *The Pacific Review*, 9, no. 3 (1996); Richard Robison, “The politics of ‘Asian Values’”, *The Pacific Review*, 9, no. 3 (1996); Kanishka Jayasuriya, “Understanding ‘Asian values’ as a form of reactionary modernization”, *Contemporary Politics*, 4, no.1(1998).

<sup>10</sup> Lyman Tower Sargent, *Contemporary Political Ideologies*, Ed.Ke-10 (Belmont: Wadsworth Publishing Company, 1996), hlm.4-5; Jae Hyon Lee, ‘UMNO Factionalism and the Politics of Malaysian National Identity’, Tesis PHD (School of Politics and International Studies, Murdoch University, Australia, 2005), hlm.10.

<sup>11</sup> John Funston, *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO & PAS* (Kuala Lumpur: Heinemann, 1980), hlm.134.

<sup>12</sup> James C Scott, *Political Ideology in Malaysia: Reality and the Beliefs of an Elite* (New Haven: Yale University Press, 1968).

<sup>13</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*.

<sup>14</sup> Francis Loh Kok Wah, ‘Developmentalism and the Limits of Democratic Discourse’ dalam Francis Loh Kok Wah dan Khoo Boo Teik (pnyt.), *Democracy in Malaysia:Discourses and Practices* (Surrey: Curzon Press, 2002).

<sup>15</sup> Abdul Rahman Embong, *Development and Well-Being* (Bangi: Penerbit UKM, 2005).

ditunjangi UMNO mempertimbangkan sejarah golongan ini yang mampu mengakomodasi kehendak British dalam mendapatkan kemerdekaan. Sehubungan itu, mereka secara amnya dianggap sebagai “nasionalis konservatif” berdasarkan kepimpinannya yang datang dari elit aristokrat, pro-British dan cenderung mengekalkan kelangsungan beberapa aspek tradisional kaum masing-masing.<sup>16</sup> Lawan kepada kutub ini ialah aliran “kiri” seperti Parti Komunis Melayu (PKM), Parti Kebangsaan Melayu Malaya, Angkatan Pemuda Insaf dan Angkatan Wanita Sedar. Aliran ini dianggap berbentuk “radikal” dan gagal mendapatkan pengiktirafan British dan sebahagian besar rakyat Tanah Melayu.

Walaupun begitu, pengelasan ini sering dicabar oleh sarjana-sarjana tempatan kerana ia banyak didasarkan atas tafsiran British dan dianggap meminggirkan peranan golongan kiri dan juga golongan reformis Islam.<sup>17</sup> Walaupun bukan skop kajian ini untuk mendalami debat di atas, tetapi dalam konteks kajian ini harus diingatkan yang konservatisme tidak semestinya dikaitkan hanya dengan penyandang kuasa kerana ia juga boleh wujud dalam mana-mana kontinum politik sama ada kiri atau kanan, sama ada demokratik ataupun autoritarian dan sama ada rejim pemerintah atau pembangkang.<sup>18</sup> Seperti hujah Samuel Huntington, konservatisme lebih merupakan persoalan *situational* atau *positional*. Beliau melihat konservatisme sebagai satu sistem idea yang diguna pakai untuk menjustifikasi sebarang orde sedia ada dari sebarang cabaran yang boleh menjelaskan sifat dan bentuknya. Sebarang tindakan yang dilihat bertentangan dengan keadaan atau persetujuan yang telah diinstitusikan dengan baik akan dianggap sebagai musuh konservatisme.<sup>19</sup> Berdasarkan hujah ini, tidak menghairankan perbincangan mengenai konservatisme di Malaysia tidak terhad berkisar hanya terhadap rejim pemerintah. Sebagai contohnya, dalam konteks yang kedua, konservatisme seringkali ditemui dalam wacana mengenai gerakan Islam. Terdapat tanggapan yang melihat konservatisme merupakan salah satu dari aliran pemikiran Islam di Malaysia.<sup>20</sup> Debat juga sering wujud mengenai sifat parti seperti PAS yang dianggap “konservatif” dan “tradisional” berbanding UMNO yang mewakili aliran “progresif” dan “sederhana”. Namun dalam PAS juga, terdapatnya usaha untuk mengkelaskannya kepada dua golongan iaitu “konservatif” dan “progresif”.<sup>21</sup> Berdasarkan fakta ini, nyata konservatisme harus digunakan mengikut konteks.

<sup>16</sup> Gordon P. Means, *Malaysian Politics* (London: Hodder and Stoughton, 1976), hlm.98; Rustam A. Sani, *Social Roots of the Malay Left* (Petaling Jaya: SIRD, 2008), hlm.19.

<sup>17</sup> Lihat antaranya Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006); Ahmad Fauzi Abdul Hamid, “Malay Anti-Colonialism in British Malaya: A Re-appraisal of Independence Fighters of Peninsular Malaysia”, *Journal of Asian and African Studies*, 42, no. 5 (2007).

<sup>18</sup> Andrew Heywood, *Political Ideologies: An Introduction* (Hounds mills, Macmillan, 1992), hlm.54; Jost, Glaser, Kruglanski dan Sullivan, “Political Conservatism as Motivated Social Cognition”, hlm.342-343.

<sup>19</sup> Samuel Huntington, ‘Conservatism as an Ideology’, *American Political Science Review*, 51, no. 2 (1957), hlm.455.

<sup>20</sup> Lihat contohnya Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran* (Depok: Gema Insani, 1997).

<sup>21</sup> Lihat contohnya Joseph Chin Yong Liow, “Political Islam in Malaysia: Problematising Discourse and Practice in the UMNO-PAS ‘Islamisation Race”, *Commonwealth & Comparative Politics*, 42, no. 2 (2004); Ahmad Fauzi Abdul Hamid, “The Islamic Opposition in Malaysia: New Trajectories and Directions?”, RSIS Working Paper Series No.151 (Singapura: S.Rajaratnam School of International Studies, 2008).

Justeru, bagi konteks artikel ini, kriteria utama pihak konservatif dirujuk sebagai UMNO yang merupakan parti dominan.<sup>22</sup> Hal ini mengambil duluan dari beberapa contoh rejim parti dominan lain seperti Parti Liberal Demokrat Jepun,<sup>23</sup> Parti Kuomintang Taiwan,<sup>24</sup> Parti Komunis China,<sup>25</sup> dan Parti Komunis Soviet Union.<sup>26</sup> Kajian yang dilakukan terhadap negara-negara ini telah melihat kedudukan parti-parti berkenaan sebagai pihak konservatif khususnya dalam tindakbalas dan reaksi yang diberikan terhadap persoalan perubahan dan reformasi politik. Jepun barangkali boleh diambil sebagai perbandingan terbaik dalam perbincangan ini. Jepun tidak mempunyai satu parti yang berideologi konservatif seperti di Amerika Syarikat dan Britain dan LDP lebih dikenali sebagai parti pertengahan (*centrist*). Namun kerana LDP merupakan parti yang berjaya mengekalkan kelangsungan kuasa untuk tempoh yang agak lama, ia sering dirujuk sebagai rejim konservatif yang secara langsungnya mempraktikkan ideologi konservatism.<sup>27</sup> UMNO pada takat yang besar meyerupai LDP. Selain kerana merupakan parti dominan yang menguasai Malaysia untuk sekian lama, perbandingan antara UMNO dan LDP seringkali dikemukakan oleh pemimpin parti dalam merujuk

<sup>22</sup> Parti dominan di sini mengambil definisi yang diberikan oleh Maurice Duverger iaitu apabila “*it represents a whole epoch, when its ideas, its methods, its whole style are identical with those of an epoch. A ruling party is one that is believed to be one. Even the enemies of a dominant party, even citizens who do not vote for it, acknowledge its superior status and influence; they deplore it, but admit it.*” Lihat Maurice Duverger, *Political Parties: Their Organization and Activity in the Modern State* (New York: Wiley, 1963), hlm.308-309. Parti dominan menurut Ora John Reuter dan Thomas F.Remington juga merupakan *a party that has the leading role in determining access to most political offices. It shares some powers over policy making, patronage distribution, and political appointments and uses privileged access to the public purse and public policy to maintain its position in power.* Lihat “Dominant Party Regimes and the Commitment Problem: The Case of United Russia”, *Comparative Political Studies*, 42, no. 4 (2009), hlm.503-504. Sifat UMNO sebagai parti dominan pula boleh dilihat dalam William Case, “New Uncertainties for an Old Pseudo-Democracy”, *Comparative Politics*, 37, no.1 (2004).

<sup>23</sup> Untuk kes Jepun, lihat antaranya Eisuke Sakakibara, *Structural Reform in Japan: Breaking The Iron Triangle* (Washington: The Brookings Institution, 2003) ; T.J. Pempel, “Japanese Strategy Under Koizumi”, dalam Gilbert Rozman, Kazuhiko Togo dan Joseph P. Ferguson (pnyt.), *Japanese Strategic Thought toward Asia* (New York: Palgrave Macmillan, 2007); Patrick Kollner, “The Liberal Democratic Party at 50: Sources of Dominance and Changes in the Koizumi Era”, *Social Science Japan Journal* 9.2 (2006); LI Xiushi, “Japanese Neo-conservative Foreign Strategy”, *Global Review*, Winter (2007).

<sup>24</sup> Untuk kes Taiwan, lihat antaranya Michael Ying-mao Kau, “The Power Structure in Taiwan’s Political Economy”, *Asian Survey*, 36, no. 3 (1996); Anthony Milner, “What Happened to ‘Asian Values’?”, in Gerald Segal and David S.G. Goodman (eds.), *Towards Recovery in Pacific Asia* (London: Routledge, 2000); Ching-fen Hu, “Taiwan’s Geopolitics and Chiang Ching-Kuo’s Decision to Democratize Taiwan”, *Stanford Journal of East Asian Affairs*, 5, no. 1 (2005).

<sup>25</sup> Untuk kes China, lihat antaranya Joseph Fewsmith, “Neoconservatism and the End of the Dengist Era”, *Asian Survey*, 35, no. 7 (1995); Feng Chan, “Order and Stability in Social Transition: Neoconservative Political Thought in Post-1989 China”, *The China Quarterly*, 151 (1997); David Rolls, “The Emergence of The “Jiang Zemin Era”: Legitimacy and the Development of the Political Theory of “Neo-Conservatism” - 1989-1995”, Ph.D. dissertation (University Of Southern Queensland, Australia, 2004).

<sup>26</sup> Untuk kes Soviet Union, lihat antaranya Stephen F. Cohen, “The Friends and Foes of Change: Reformism and Conservatism in the Soviet Union”, *Slavic Review* 38, no. 2 (1979); David Nordlander, “Khrushchev’s Image in the Light of Glasnost and Perestroika”, *Russian Review*, 52, no. 2 (1993); W.J. Tompson, “Khrushchev and Gorbachev as Reformers: A Comparison”, *British Journal of Political Science*, 23, no. 1 (1993).

<sup>27</sup> Jose Antonio Crespo, ‘The Liberal Democrat Party in Japan: Conservative Domination’, *International Political Science Review* 16.2 (1995); T. J Pempel, *Regime Shift: Comparative Dynamics of The Japanese Political Economy* (Ithaca and London: Cornell University Press, 1998).

kepada kemandirian parti tersebut khususnya selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12). Fakta ini dapat menjelaskan bahawa rejim konservatif tidaklah sekadar mempunyai maksud yang negatif seperti kuno atau terkebelakang kerana ia turut diaplikasikan terhadap LDP yang pernah memimpin negara yang paling maju di dunia. Namun apa sebenarnya yang dimaksudkan oleh sesbuah rejim konservatif boleh dikesan dari beberapa pemahaman lain. Kajian T.J Pempel contohnya mencadangkan bahawa konservatisme yang dimaksudkan dalam rejim konservatif Jepun meliputi elemen-elemen dominan yang menjadi penyatu dan mengekalkan sistem tersebut. Susunan ini tidak tergoncang dan berjaya mewujudkan kestabilan politik melalui hubungannya dengan institusi pemerintah.<sup>28</sup> Dalam maksud lain, ia merupakan satu bentuk keseimbangan dan persetujuan yang telah dicapai dalam memberikan kelebihan kepada rejim berkenaan dalam usahanya mengekalkan kekuasaan. Pemahaman seperti ini turut disarankan oleh sejarawan seperti Mohamad Abu Bakar yang melihat konservatisme sebagai;

“...nilai-nilai dominan. Termasuk nilai-nilai yang terserap di sepanjang sejarah yang dilalui...pemikiran dasar, ingatan sejarah, institusi warisan, kadangkala keasyikan terhadap kegemilangan lepas serta simbolismenya, dan unsur-unsur etika, dan yang berfungsi sebagai *organising concept* dan *modus operandi* dalam perlakuan politik”.<sup>29</sup>

Hujah yang tidak kurang serupa juga dicadangkan oleh seorang lagi sarjana iaitu Lynne Loone dalam kajiannya mengenai rejim konservatif di Jerman. Dalam menerangkan pengoperasian “rejim kebajikan konservatif” Jerman, beliau merujuk sifat-sifat konservatif itu terbit dari ciri-ciri utama (*distinctive features*) yang telah dimaktubkan ke dalam perlembagaan Jerman, *Basic Law* yang diperkenalkan pada 1949. Tidak sekadar itu, ia juga diperkuuhkan dengan kewujudan “prinsip pengorganisasi” yang saling berjalinan dan melengkapi.<sup>30</sup>

Kriteria kedua yang boleh digunakan ialah dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip konservatisme ke dalam kepercayaan dan amalan politik UMNO. Harus dijelaskan yang tidak semua prinsip konservatisme dipegang oleh mana-mana konservatif tetapi adalah sesuatu yang pasti bahawa mereka mendukung sebahagian besar dari prinsip-prinsipnya.<sup>31</sup> Lantaran itu, empat prinsip utama konservatisme khususnya yang berkaitan dengan politik dan pemerintahan seperti yang diutarakan oleh Andrew Vincent

<sup>28</sup> T.J Pempel, *Policy and Politics in Japan: Creative Conservatism* (Temple University Press: Philadelphia, 1982) khususnya bab 1.

<sup>29</sup> Mohamad Abu Bakar, “Konservatisme dan Konflik: Isu ‘Kafir-Mengkafir’ dalam Politik Kepartian 1955-2000”, *Pemikir*, Julai 2000, hlm.122-123.

<sup>30</sup> Lyne Loole, “Germany: A Conservative Regime in Crisis?”, dalam Allan Cochrane, John Clarke dan Sharon Gewirtz (pnyt.), *Comparing Welfare States* (London: Milton Keynes dan The Open University, 2001), hlm.154-155.

<sup>31</sup> Lihat contohnya Kirk, *The Politics of Prudence*, khususnya bab 2; Ian Hall dan Nicholas Rengger, “The Right that failed? The ambiguities of conservative thought and dilemmas of conservative practice in international affairs”, *International Affairs*, 81, no.1 (2005), hlm.71.

diketengahkan bagi tujuan kajian ini.<sup>32</sup> Ia juga berdasarkan duluhan beberapa kajian yang menganggap ia sebagai prinsip-prinsip konservatisme yang universal.<sup>33</sup> Pertamanya, konservatif berpegang kepada pendekatan preskripsi dan prinsip *attachment*<sup>34</sup> iaitu penekanan terhadap persoalan tradisi, waktu silam, duluhan, konvensyen, institusi, keharmonian dan kelangsungan. Bagi mereka, tradisi seringkali dijadikan keutamaan kerana ia telah memberikan satu *prima facie* dalam memenuhi keperluan tertentu<sup>35</sup> dan mengandungi “kebenaran-kebenaran politik”.<sup>36</sup> Kepada Giddens, tradisi merupakan merupakan nadi kepada konservatisme.<sup>37</sup> Namun harus dijelaskan bahawa tradisi juga boleh direkabentuk dan dikonstruksi seperti yang dihujahkan oleh Eric Hobsbawm. Menurut beliau, tradisi seperti ini merupakan penerapan beberapa nilai dan norma melalui kaedah pengulangan bagi mengandaikan bahawa ia merupakan satu bentuk kesinambungan dari praktik waktu lampau. Dalam mana tradisi yang tulen mengikat kepatuhan dan keakuran masyarakat, tradisi yang dicipta lebih berbentuk kabur dari segi nilai, hak-hak yang wujud darinya dan kewajipan yang dituntut dari anggota masyarakat atau sesuatu kumpulan tersebut.<sup>38</sup>

Prinsip kedua konservatif ialah mengutamakan kepentingan komuniti dan masyarakat melebihi individu. Untuk itu, konservatif amat menekankan keperluan untuk memberi perhatian terhadap aspek-aspek seperti hierarki, autoriti, kepimpinan, undang-undang, disiplin dan kepatuhan.<sup>39</sup> Konservatisme juga ditandakan menerusi penolakan terhadap usaha mencari kesamaan sosial (*social equality*). Hal ini kerana sesuatu susunan dan konvensyen tradisional secara sejarahnya berbentuk hierarki dan kurang egalitarian. Berikut ini, aspek-aspek seperti kuasa dan keistimewaan terbahagi secara tidak rata. Justeru, menentang perubahan bermakna menentang sebarang percubaan untuk mengubah status quo yang dicirikan oleh ketidaksamaan ini.<sup>40</sup> Bagi Burke umpamanya, *In this partnership all men have equal rights; but not to equal things...By having a right to everything they want everything.*<sup>41</sup> Hal ini tidaklah pula bermakna konservatif menentang terus perubahan. Merujuk kepada prinsip konservatif yang terakhir, konservatif tetap mempercayai bahawa perubahan harus diiktiraf dan diterima. Tetapi ia haruslah diimplementasikan secara beransur-ansur, tidak mengorbankan kepentingan terdahulu dan bersesuaian dengan bentuk semulajadi masyarakat tersebut. Idea perubahan

<sup>32</sup> Andrew Vincent membahagikan sifat konservatisme mengikut empat ciri iaitu sifat semula jadi manusia, penaakulan dan tindakan, politik dan pemerintahan dan juga ekonomi. Lihat *Modern Political Ideology*, Ed-2 (Oxford: Blackwell Publishers, 1995), hlm.67-82.

<sup>33</sup> Lihat antaranya McClosky, “Conservatism and Personality”, 30-31; Rodan, “The Internationalization of Ideological Conflict: Asia’s New Significance”, hlm.340.

<sup>34</sup> Edmund Burke, *Reflections On The Revolution in France*, (pnyt.) Conor Cruise O’Brien (Harmondsworth: Penguin Books Ltd, 1968), hlm.184.

<sup>35</sup> Jost, Glaser, Kruglanski dan Frank J. Sulloway, “Political Conservatism as Motivated Social Cognition”, hlm.342.

<sup>36</sup> Mohamad Abu Bakar, “Konservatisme dan Konflik”, hlm.123.

<sup>37</sup> Anthony Giddens, *Runaway World: How Globalisation Is Reshaping Our Lives* (London: Profile Books, 2002), hlm.42.

<sup>38</sup> Eric Hobsbawm, “The Invention of Tradition”, dalam Eric Hobsbawm dan Terence Ranger (pnyt.), *The Invention of Tradition* (Cambridge: Cambridge University Press, 1983), hlm.1-2 dan 10.

<sup>39</sup> Burke, *Reflections*, hlm.372.

<sup>40</sup> Jost, Glaser, Kruglanski dan Frank J. Sulloway, “Political Conservatism as Motivated Social Cognition”, hlm.342.

<sup>41</sup> Burke, *Reflections*, hlm.150-151.

yang radikal dan menyeluruh akan mengalami penentangan.<sup>42</sup> Dalam maksud lain, konservatif masih mempercayai keperluan pada perubahan berbeza dengan pihak reaksioneri yang bukan sahaja skeptikal terhadap perubahan tetapi menginginkan orde masyarakat kembali kepada bentuk yang lampau dan sebelumnya.<sup>43</sup>

Sebagai gambaran awal, apakah yang boleh dirumuskan melalui ideologi konservatism? Sekali lagi, artikel ini menghujahkan konservatism tidak harus dilihat dalam maksud yang pejoratif kerana ia mempunyai prinsip yang agak rasional, teratur dan berhati-hati dalam melakukan perubahan. Namun apabila dikaitkan dengan persoalan politik, ia juga pada hakikatnya berpotensi bertindak dan berfungsi sebagai penjustifikasi dalam usaha meminimakan ruang perubahan oleh elit rejim yang berkuasa.<sup>44</sup> Tidak menghairankan kerana itu, konservatism dianggap sarjana sebagai mempunyai kecenderungan yang bertentangan dengan semangat demokrasi dan mempunyai karektor autoritarian kerana penekanannya terhadap rejim pemerintah yang kuat.<sup>45</sup>

### Penginstitusian Konservatism dalam Politik Umno

Bagi mengesan wacana dan penginstitusian konservatism dalam praktik UMNO dan rejim pemerintah, kajian ini menyoroti empat tema utama iaitu kajian mengenai demokrasi, perubahan dan reformasi, kajian mengenai kepimpinan Mahathir Mohamad, kajian mengenai idea konservatism secara khusus dan terakhirnya, kajian mengenai kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi. Dengan ini, sorotan akan dapat menggabungkan maklumat yang disifatkan sebagai berselerak dan tidak terselaras.

### Kajian Mengenai Demokrasi, Perubahan dan Reformasi

Persoalan utama mengenai pengamalan demokrasi di Malaysia berlingkar kepada perbincangan mengenai kestabilan dan kelangsungan rejim pemerintah yang mengamalkan demokrasi hibrid. Hal ini boleh dilihat dalam tiga kajian awal yang menggambarkan tingkat demokrasi di Malaysia. Zakaria Ahmad (1989)<sup>46</sup> menyatakan sistem politik Malaysia sebagai *quasi-democracy*. Konsep ini bermakna demokrasi tidak diberikan mengikut kaedah demokrasi liberal di Barat kerana ia berisiko untuk memusnahkan sistem perkongsian kuasa yang terbina. Rejim pemerintah dengan itu berpegang teguh kepada konsep pemerintah yang kuat dan autoriti demi memastikan kestabilan politik. Pandangan ini dilanjutkan oleh William Case yang membincangkan konsep “semi-demokrasi” (1993)<sup>47</sup> dan “pseudo-demokrasi” (2001).<sup>48</sup> Case berhujah

<sup>42</sup> Burke, *Reflections*, hlm.106 dan 153; Noel O’Sullivan, *Conservatism* (London: Bent, 1976), hlm. 9 dan 12.

<sup>43</sup> Leon P. Baradat, *Political ideologies: Their Origins and Impact*, Ed.Ke-5, (New Jersey: Prentice Hall, 1994), hlm.13-14.

<sup>44</sup> Lihat Bernard Susser, *Political Ideology in the Modern World* (Boston: Allyn & Bacon, 1995), hlm.39.

<sup>45</sup> Lihat Roger Scruton, *A Dictionary of Political Thought* (London: Pan Books, 1982), hlm.91; Clinton Rossiter seperti dipetik dari Ted Honderich, *Conservatism* (Boulder: Westview Press, 1990), hlm.126; Heywood, *Political Ideologies: An Introduction*, hlm.55-56.

<sup>46</sup> Zakaria Ahmad, “Malaysia: Quasi-Democracy in a Divided Society”, dalam Larry Diamond, Juan J.Linz dan Seymour Martin Lipset (pnyt.), *Democracy in Developing Countries, Volume Three, Asia* (Boulder: Lynn Reiner Publishers, 1989).

<sup>47</sup> William Case, “Semi-Democracy in Malaysia: Withstanding the Pressures for Regime Change”, *Pacific Affairs*, 66, no. 2 (1993).

<sup>48</sup> William Case, “Malaysia’s Resilient Pseudodemocracy”, *Journal of Democracy*, 12, no. 1(2001).

bahawa demokrasi Malaysia yang dicirikan oleh “penekanan sistematik” dan dominasi UMNO telah berjaya mengekang proses perubahan dan pertukaran rejim. Namun pada masa yang sama, beliau mengakui bahawa keadaan itu juga didorong oleh ketidakupayaan parti-parti pembangkang untuk menawarkan satu alternatif kerajaan yang berkesan. Case juga menunjukkan bagaimana gesaan untuk melakukan perubahan adakalanya akan dihalang dengan penggunaan tradisi ciptaan seperti penangguhan pemilihan parti dan syarat tiada pertandingan di kalangan dua jawatan tertinggi parti.

Dalam hubungan ini, persoalan kawalan (*control*) memainkan peranan penting dalam mewajarkan pengkategorian di atas. Simon Barracough (1985)<sup>49</sup> berhujah bahawa kaedah pemaksaan bukan sahaja digunakan bagi pengurusan ancaman keselamatan negara tetapi menjangkau terhadap pihak pembangkang politik yang sah khususnya dalam waktu-waktu yang genting. Elemen ini dianggap oleh James V. Jesudason (1995)<sup>50</sup> sebagai antara penyebab mengapa gabungan parti atau pertubuhan politik kurang berupaya mengenakan cabaran yang berkesan. Menariknya, sistem ini menurut beliau masih mampu memberi legitimasi kepada rejim pemerintah berikutan keupayaannya dalam aspek-aspek populisme yang lain. Analisis yang selari turut diberikan oleh Vidhu Verma (2002)<sup>51</sup> yang mengakui bahawa kestabilan politik yang dinikmati rejim pemerintah telah mewujudkan satu tradisi atau gaya politik yang sukar untuk dirombak. Namun beliau meramalkan generasi pasca Mahathir berupaya melahirkan era yang lebih terbuka walaupun memakan masa yang lama.

Empat lagi kajian turut berlegar dalam persoalan yang sama tetapi mengaitkan amalan demokrasi ini dengan sifat autoritarian pemerintah. Dalam mewajarkan konsep “demokrasi terbatas” yang dihujahkannya, Anne Munro-Kua (1996)<sup>52</sup> menyifatkan rejim pemerintah melandaskan pemerintahannya berdasarkan konsep “autoritarian-populisme” yang menggabungkan kaedah pemaksaan dan pemberian (*benefactor*). Hal ini mendorong Harold Crouch (1996)<sup>53</sup> meletakkan Malaysia berada di kedudukan tengah di antara spektrum demokrasi dan authoritarian. Berdasarkan fakta bahawa sistem politik dikuasai oleh kaum Melayu, sistem yang ada bermatlamatkan keperluan untuk mengekalkan status quo dengan penggunaan tekanan dan kawalan tertentu. Institusi-institusi politik seperti pentadbiran awam, tentera, polis, kehakiman dan institusi beraja mempunyai orientasi yang “konservatif” dan seringkali mempunyai hubungan simbiotis yang jelas dengan pemerintah. Namun Crouch tidak menolak kemungkinan bahawa proses perubahan dan pendemokrasian akan berlaku walaupun tidak mengubah kerangka fundamental politik Malaysia. Tidak ketinggalan memperkatakan demokrasi Malaysia dari sudut ini ialah Gordon.P Means (1996)<sup>54</sup> yang menganggapnya sebagai cerminan authoritarian tetapi dalam versi yang “lunak”. Kejayaan rejim pemerintah mengekalkan kelangsungan kuasanya disifatkan sebagai tidak kondusif kepada semangat demokrasi dan harus

<sup>49</sup> Simon Barracough, “The Dynamics of Coercion in the Malaysian Political Process”, *Modern Asian Studies*, 19, no. 4 (1985).

<sup>50</sup> James J. Jesudason, “Statist Democracy and the Limits to Civil Society in Malaysia”, *Journal of Commonwealth and Comparative Politics*, 33, no. 3 (1995).

<sup>51</sup> Vidhu Verma, *Malaysia: State and Civil Society in Transition* (Petaling Jaya: SIRD, 2002).

<sup>52</sup> Anne Munro-Kua, *Authoritarian-Populism in Malaysia* (London: Macmillan Press, 1996).

<sup>53</sup> Harold Crouch, *Government and Society in Malaysia* (St. Leonards, NSW: Allen & Unwin, 1996).

<sup>54</sup> Gordon .P Means, “Soft Authoritarianism in Malaysia and Singapore”, *Journal of Democracy*, 7, no. 4 (1996).

diperbaiki menerusi tiga kaedah iaitu keterbukaan rejim pemerintah, keupayaan massa memobilisasi jaringan kesedaran dan juga peranan yang dimainkan oleh pihak luar.

Namun harus ditekankan bahawa demokrasi hibrid yang diamalkan tidaklah dapat dianggap sebagai tidak mempunyai legitimasi. Pertama, kajian Welsh (1996)<sup>55</sup> menunjukkan bahawa penerimaan umum rakyat Malaysia terhadap demokrasi yang terhad adalah baik dan mereka selesa dengan karektor rejim yang ada khususnya dari segi kebebasan institusi, partisipasi dan persaingan Kedua, Mauzy (2006) menghujahkan bahawa rejim pemerintah dilihat sebagai pihak yang efektif, mempunyai sumber kewangan yang mantap, bersikap sederhana dalam menangani isu-isu Islam dan berupaya membentuk gabungan parti yang utuh dalam menjamin kelangsungan kuasanya.<sup>56</sup>

Biarpun begitu, premis bahawa demokrasi di Malaysia kebal dari proses perubahan seakan-akan dicabar apabila kebangkitan gerakan reformasi yang dipimpin Anwar Ibrahim pada 1998 berjaya memberikan satu momentum bagi merubah dominasi politik BN-UMNO. Beberapa kajian “politik baru” selepasnya cuba menggambarkan dinamika perubahan yang berlaku dalam era ini seperti yang diutarakan oleh himpunan artikel dalam Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (2002)<sup>57</sup> dan Francis Loh Kok Wah dan Johan Saravanamuttu (2003).<sup>58</sup> Dengan mengemukakan fakta-fakta empirikal khususnya melalui PRU-10 1999, kajian-kajian ini mendapat wujudnya pertentangan yang signifikan antara politik baru dan politik lama yang berbingkaikan perkauman. Budaya politik baru ini juga tidak lagi berpaksikan kepada soal perkauman dan nasionalisme yang sempit tetapi mencakupi isu-isu sejagat seperti keadilan sosial, tadbir urus berkesan, akauntabiliti dan hak asasi manusia. Walaupun faktor etnik masih berperanan tetapi terdapatnya bukti-bukti jelas bahawa ciri-ciri politik lama seperti monopoli sistem satu pakatan, identifikasi pengundian mengikut kewilayah dan ketidakterlibatan golongan muda telah mula terhakis. Namun, kajian yang dilakukan oleh Meredith Weiss (2000),<sup>59</sup> Maznah Mohamad (2001),<sup>60</sup> dan Lee Hock Guan (2002)<sup>61</sup> nampaknya lebih bersikap realistik terhadap gelombang perubahan yang berlaku. Walaupun menyifatkan impak PRU-10 sebagai mengesankan, mereka agak skeptikal dengan keupayaan Barisan Alternatif (BA) untuk menyelaraskan perbezaan ideologi yang wujud dan takat kapasiti yang dipunyai parti-parti Melayu untuk menarik sokongan multi-perkauman yang lebih besar. Hal ini jelas tergambar apabila prestasi parti-parti pembangkang pada 1999 menampakkan kepudaran dan kecelaruan berikutan faktor-faktor seperti pergolakan dalaman, perbezaan ideologi dan keutamaan agenda yang ingin dilaksanakan.

<sup>55</sup> Bridget Welsh, “Attitudes towards democracy in Malaysia”, *Asian Survey*, 36, no. 9 (1996).

<sup>56</sup> Diane K. Mauzy, “The Challenge to Democracy: Singapore’s and Malaysia’s Resilient Hybrid Regimes”, *Taiwan Journal of Democracy*, 2, no. 2 (2006).

<sup>57</sup> Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (pnyt.), *Politik Baru dalam Pilihanraya Umum* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002).

<sup>58</sup> Francis Loh Kok Wah dan Johan Saravanamuttu (pnyt.), *New Politics in Malaysia* (Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2003).

<sup>59</sup> Meredith Weiss, “The 1999 Malaysian General Elections: Issues, Insults and Irregularities”, *Asian Survey*, 40, no. 3 (2000).

<sup>60</sup> Maznah Mohamad, “The Unravelling of a Malay Consensus”, *Southeast Asian Affairs* (2001).

<sup>61</sup> Lee Hock Guan, “Malay Dominance and Opposition Politics In Malaysia”, *Southeast Asian Affairs* (2002).

Apakah rumusan yang boleh dibuat dari sorotan tema pertama ini? Sesuatu yang agak nyata, sebahagian besar kajian-kajian ini menyingkap bahawa pemupukan ideologi konservatisme serta penekanan terhadap tradisi (sama ada warisan atau ciptaan) merupakan sesuatu yang dijunjung kuat dalam amalan rejim pemerintah di Malaysia. Ia memaparkan penghayatan terhadap beberapa prinsip konservatisme iaitu penekanan kepada status quo, orde dan juga sikap skeptikal terhadap perubahan. Ciri-ciri ini memenuhi satu karektor konservatisme iaitu kecenderungannya yang bertentangan dengan semangat demokrasi dan mempunyai nilai autoritarian. Biarpun wujudnya faktor-faktor lain sebagai pemberat terhadap keadaan ini, konservatisme politik yang dibangunkan rejim pemerintah dapat dianggap memainkan peranan besar dalam mengekalkan orde sedemikian.

### **Kajian Mengenai Era Kepimpinan Mahathir Mohamad**

Tinjauan terhadap kajian-kajian mengenai Mahathir mempunyai peranan komplimentari dalam mengukuhkan rumusan tema sorotan yang pertama. Kajian Gordon P.Means (1991)<sup>62</sup> berkenaan “generasi kedua” politik Malaysia yang sebahagian besarnya diwarnai oleh pemerintahan Mahathir mengesahkan bahawa Mahathir pada awalnya memaparkan kecenderungan liberal dan terbuka. Tetapi krisis politik pada 1987 menjadikan Mahathir memilih untuk memulakan pendekatan kawalan dan tekanan. Beliau bersikap sensitif terhadap kritikan, tidak mengendahkan pandangan kedua dan seringkali mengamalkan pendekatan unilateral. Akibatnya, proses pembuatan keputusan menjadi lebih terpusat dan keutamaan diberikan terhadap faktor kestabilan biarpun beliau terpaksa bertindak di luar sempadan kuasa. Kecenderungan ini dinamakan oleh Khoo Boo Teik (1995)<sup>63</sup> sebagai penyerapan ideologi Mahathirisme yang dicirikan oleh nasionalisme, kapitalisme, Islam, populisme dan authoritarianisme. Kelima-lima elemen ini menurut Khoo sentiasa berdialektik dalam mencipta pandangan dunia yang diinginkan Mahathir dan hasilnya ia seringkali menjelaskan kontradiksi dan ketegangan. Biarpun begitu, dalam kajian terkemudiannya, Khoo (2003)<sup>64</sup> mendapati krisis besar yang berlaku seperti yang dilihat dalam era reformasi tidak sesekali menjadikan Mahathir lebih responsif terhadap perubahan, malah beliau bertindak lebih agresif terhadap cabaran hegemoni-balas ini. Justeru, Khoo menganggap kejayaan Mahathir untuk keluar dari semua krisis yang dihadapinya adalah kerana sifatnya sebagai “tokoh politik konservatif” yang mendukung kepercayaan terhadap orde dan undang-undang dan begitu skeptik dengan perubahan.<sup>65</sup>

Dalam analisis yang tidak jauh berbeza, kajian R.S Milne dan Diane K. Mauzy (1999)<sup>66</sup> mengenai Mahathir dibuka dengan hujah bahawa kepimpinannya mencerminkan kawalan yang tinggi dan pendominasian. Hal ini sekaligus mencerminkan keazamannya yang kuat tetapi ironinya ia sering dilakukan tanpa mengambilkira kepentingan dan pendapat pihak lain. John Funston (2000)<sup>67</sup> dan William Case (2001b)<sup>68</sup> turut

<sup>62</sup> Gordon P. Means, *Malaysian Politics: The Second Generation* (Oxford: Oxford University Press, 1991).

<sup>63</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*.

<sup>64</sup> Khoo Boo Teik, *Beyond Mahathir: Malaysian Politics and its Discontents* (London: Zed Books, 2003).

<sup>65</sup> Ibid., hlm.188.

<sup>66</sup> R.S Milne dan Diane K.Mauzy, *Malaysian Politics under Mahathir* (London: Routledge, 1999), hlm.1.

<sup>67</sup> John Funston, “Malaysia’s Tenth Election: Status Quo, Reformasi or Islamization?”, *Contemporary Southeast Asia*, 22, no.1 (2000).

bersepakat bahawa biarpun pengaruh BN agak menurun selepas PRU-10, Mahathir masih enggan mempertimbangkan sebarang pembaharuan. Malah, beliau lebih meningkatkan kawalan terhadap keupayaan pembangkang dan meminimakan peluang pertandingan dalam parti. Bagi John Hilley (2001),<sup>69</sup> Mahathir berjaya membina hegemoni ini melalui gabungan kaedah-kaedah konsensus dan pemaksaan bagi mengekalkan kuasanya. Sebahagian dari ciri ini menurutnya mempunyai keselarian dengan pemimpin konservatif Britain, Margaret Thatcher yang amat mempercayai konsep pemerintah yang kuat.<sup>70</sup> Faktor personaliti ini juga mendapat perhatian In-Won Hwang (2003)<sup>71</sup> yang berhujah bahawa bermula pada 1990, penyelenggaran rejim di Malaysia telah menampakkan peningkatan elemen-elemen autoritarian dalam gaya kepimpinan Mahathir. Namun begitu, kewujudan legitimasi seperti yang terlihat dalam kajian Sivamurugan Pandian (2005)<sup>72</sup> menjadi perkara yang dilihat seolah-olah mengimbangi kejayaan penerusan kepimpinan politiknya.

Berdasarkan kajian-kajian ini, tidak sukar sebenarnya untuk merumuskan gambaran mengenai gaya kepimpinan dan kecenderungan Mahathir. Dalam era beliau, boleh dihujahkan bahawa pegangan terhadap ideologi konservativisme semacam mengalami proses pengukuhan (*consolidation*) berikutnya gaya kepimpinan dan dasarnya yang begitu menekankan status quo dan tidak responsif terhadap perubahan, keterbukaan dan perundingan. Menariknya, ciri-ciri ini mempunyai persamaan dengan pemimpin konservatif terkenal Britain, Margaret Thatcher. Kerana gaya kepimpinan ini juga, beliau seorang yang tidak takut untuk berkonfrontasi dan amat meyakini bahawa sistem politik yang dibangunkannya telah memberikan satu legitimasi terhadap penerusan kestabilan dan pembangunan Malaysia.

### Kajian Mengenai Konservativisme dan Tradisi

Setelah membincangkan dua tema latar di atas, kajian akan diteruskan dengan lebih terperinci melalui tema yang berkaitan secara langsung dengan fokus kajian. Dalam menyoroti tema ketiga ini iaitu konservativisme dan tradisi, perhatian pertama ditumpukan terhadap wacana Nilai Asia yang popular pada era 1990-an. Clark D.Neher (1994)<sup>73</sup> mengesahkan bahawa demokrasi negara-negara Asia diasaskan kepada lima ciri yang dominan seperti konsep penaungan, personaliti, autoriti (keharmonian dan kestabilan), parti politik dominan dan juga pemerintah yang kuat. Namun ciri-ciri ini dianggap oleh kajian Kenneth Christie (1995),<sup>74</sup> Michael Freeman (1996),<sup>75</sup> dan Khoo Boo Teik (1999)<sup>76</sup> hanya bertujuan menjustifikasi pemerintahan yang berbentuk authoritarian dan menyempitkan makna hak asasi manusia demokrasi seperti dalam kes Malaysia dan

<sup>68</sup> William Case, “Malaysia’s General Elections in 1999: A Consolidated And High-Quality Semi-Democracy”, *Asian Studies Review*, 25, no.1 (2001b).

<sup>69</sup> John Hilley, *Malaysia: Mahathirism, Hegemony and The New Opposition* (London: Zed Books, 2001).

<sup>70</sup> Ibid, hlm.83-84.

<sup>71</sup> In-Won Hwang, *Personalized Politics: The Malaysian State under Mahathir* (Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2003).

<sup>72</sup> Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2005).

<sup>73</sup> Clark D.Neher, “Asian Style Democracy”, *Asian Survey*, 34, no. 11(1994).

<sup>74</sup> Kenneth Christie, “Regime Security and Human Rights in Southeast Asia”, *Political Studies*, 43 (1995).

<sup>75</sup> Michael Freeman, “Human Rights, democracy and ‘Asian Values’”, *The Pacific Review*, 9, no. 3 (1996).

<sup>76</sup> Khoo Boo Teik, “The Value(S) Of A Miracle: Malaysian and Singaporean Elite Constructions of Asia”, *Asian Studies Review*, 23, no. 2 (1999).

Indonesia. Ia tidak lebih merupakan konstruksi ideologi yang bertujuan menjamin hegemoni pemerintah.

Dalam hubungan ini, ideologi yang dimaksudkan ialah konservatisme. Kajian Garry Rodan (1996)<sup>77</sup> mendapati terdapatnya keselaruan antara Nilai Asia dengan konservatisme. Elemen-elemen seperti sikap skeptikal terhadap sifat semulajadi manusia, penekanan terhadap hierarki, orde, disiplin dan nilai-nilai tradisional merupakan usaha untuk menutup kemasukan nilai-nilai pembaharuan dan penentangan yang dianggap boleh menjelaskan status quo politik. Richard Robison (1996)<sup>78</sup> juga bersepakat bahawa Nilai Asia mempunyai elemen konservatisme yang kuat dalam mewajarkan konsep *organic-statist* iaitu gabungan kewujudan konservatisme politik dan ekonomi pasaran. Meskipun gagasan ini dikritik hebat, beliau mengesahkan bahawa ia mempunyai beberapa persamaan dengan apa yang diperjuangkan oleh pendukung-pendukung neokonservatisme (neoliberal) di Barat seperti Thatcher. Khusus dalam aspek ini ialah pengembalian nilai-nilai tradisional dan sikap skeptikal terhadap demokrasi yang tidak terbatas. Dalam tema yang serupa, Kanishka Jayasuriya (1998)<sup>79</sup> turut menyifatkan Nilai Asia sebagai satu bentuk modenisme reaksioneri iaitu “konservatisme radikal” yang bertujuan untuk “mengorganisasikan semula secara komprehensif” struktur ekonomi, politik dan sosial “di atas nama konservatisme”. Dengan merujuk kepada beberapa pendekatan Mahathir, beliau menggambarkan modenisme reaksioneri sebagai sistem yang bertunjangkan konservatisme tetapi menggabungkannya dengan kaedah pendekatan teknologi, pembudayaan ekonomi, berorientasikan futuristik dan anti-politik pluralis. Turut tidak terkecuali ialah Angel Lin dan Avin Tong (2008)<sup>80</sup> yang menganggap Nilai Asia sebagai “berbahaya” kerana ia boleh digunakan bagi “mengenakan ideologi konservatif untuk kawalan politik dan sosial”. Kesimpulannya, kajian-kajian berkaitan Nilai Asia amat penting untuk dilihat kerana ia merupakan tema yang memfokuskan dengan lebih terperinci aplikasi ideologi konservatisme dalam pembangunan politik di Asia.

Wacana yang berkaitan dengan konservatisme juga telah diangkat oleh sarjana-sarjana tempatan dalam berbagai perspektif. Antara yang dominan ialah persoalan tradisi. Chandra Muzaffar (1992)<sup>81</sup> menggambarkan kesetiaan terhadap raja telah dijadikan tradisi oleh UMNO yang dilihat menjadi simbol perlindungan kepada orang Melayu. Simbol-simbol pematuhan seperti konsep mengenang budi, kekangan terhadap kritikan yang kritikal dan pensyaratan sokongan untuk pembangunan ekonomi diinstitusikan secara sistematik bagi melegitimasi satu proses kesedaran. Namun memasuki dekad 80-an, Chandra mendapati tradisi kesetiaan ini sudah mula merosot nilainya kerana kemajuan pendidikan, peningkatan kelas menengah Melayu dan perkembangan urbanisasi. Selari dengan hujah Chandra, Hari Singh turut mengenalpasti bahawa tradisi merupakan antara faktor penting yang memberikan dinamika dalam penggantian politik kepimpinan UMNO dan pengekalan kuasa. Baginya, *[c]onservatism is inherent in such a thought process, which explains why tradition is resistant to change. As a practicing*

<sup>77</sup> Rodan, “The Internationalization of Ideological Conflict: Asia’s New Significance”.

<sup>78</sup> Robison, “The politics of ‘Asian Values’”.

<sup>79</sup> Jayasuriya, “Understanding ‘Asian values’ as a form of reactionary modernization”.

<sup>80</sup> Angel Lin dan Avin Tong, “Re-Imagining a Cosmopolitan “Asian Us”: Korean Media Flows and Imaginaries of Asian Modern Feminities”, dalam Chua Beng Huat dan Koichi Iwabuchi (pnyt.), *East Asian Pop Culture: Analysing the Korean Wave* (Hong Kong: Hong Kong University Press, 2008), 122.

<sup>81</sup> Chandra Muzaffar, *Pelindung* (Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara, 1992) (Versi asal 1979).

*ideology, tradition promotes the uncritical acceptance of a social order.* Begitu pun, beberapa manifestasi seperti ketiadaan pertandingan untuk pemimpin tertinggi semakin terhakis pada era 1980-an kesan dari kemajuan ekonomi dan penghakisan nilai-nilai feudal (1998).<sup>82</sup> Kajian James Chin (2006)<sup>83</sup> mengenai MCA tidak ketinggalan memperkatakan mengenai tradisi ciptaan ini. Kesan dari konflik yang timbul dalam pemilihan UMNO 1987, beberapa tradisi baru seperti konsep tiada pertandingan, pengenalan sistem bonus dan keperluan pencalonan minima mula diperkenalkan UMNO. Lebih menarik, tradisi ini menurut beliau dijadikan ikutan oleh parti-parti komponen BN yang lain seperti MCA.

Dua kajian Mohamad Abu Bakar mempunyai sumbangan yang besar dan membayangkan aplikasi yang lebih sistematik terhadap idea konservatisme. Seajar dengan hujah beberapa sarjana lain seperti Chandra Muzaffar dan Hari Singh, Mohamad Abu Bakar (1994) mengesahkan unsur-unsur utama yang ada dalam politik Malaysia merupakan tradisi yang diwarisi dari susunan feudal Kesultanan Melayu Melaka. Elemen-elemen seperti ketaatan, perpaduan, kedudukan institusi beraja, status agama Islam dan bahasa Melayu serta hak istimewa orang Melayu merupakan unsur yang diperturun dan dipertahankan sehingga negara mencapai kemerdekaan. Sekaligus elemen-elemen ini menunjukkan susunan masyarakat yang mempunyai ketidaksamaan sosial khususnya setelah ia diinstitusikan secara rasmi dalam perlumbagaan. Kelangsungan kuasa yang dipunyai UMNO pula berjaya mempertahankan unsur-unsur tradisi ini dari dicabar oleh sesiapa biarpun ia menjadi titik pergeseran antara kumpulan-kumpulan yang lebih memperjuangkan nilai-nilai demokrasi.<sup>84</sup> Dalam kajian beliau yang seterusnya, Mohamad Abu Bakar menggunakan perspektif konservatisme sebagai alat analisis konflik (2000).<sup>85</sup> Tiga hujah yang mendasari kajian beliau terbit dari kepercayaan bahawa konflik boleh tercetus apabila berlaku penyimpangan jelas dari trend konservatisme. Konflik yang muncul ini pula mungkin boleh bersifat konstruktif atau destruktif. Selain itu, aspek-aspek konservatisme menurutnya akan lebih jelas dirasai apabila sesuatu kaum atau pihak itu berada di bawah tekanan dan pada waktu inilah mereka akan memberi lebih perhatian kepada keperluan untuk mempertahankan orde, tradisi, institusi atau sebarang simbolismenya daripada perubahan. Dalam kajianya terhadap isu kafir mengkafir antara UMNO dan PAS, Mohamad Abu Bakar mendapati kedua-dua pihak saling memberikan penekanan terhadap usaha menghubungkaitkan pendirian masing-masing dengan elemen-elemen konservatisme yang wujud. Tidak ketinggalan, impak konservatisme juga turut diutarakan oleh Helen Ting (2007)<sup>86</sup> dalam kajianya berkaitan persoalan gender dalam politik Melayu. Menjawab kepada persoalan mengenai kesetaraan gender dalam politik UMNO, beliau menganggap perkembangannya sebagai tidak menggalakkan kerana

<sup>82</sup> Hari Singh, “Tradition, UMNO and political succession in Malaysia”, *Third World Quarterly*, 19, no. 2 (1998), 242.

<sup>83</sup> James Chin, “New Chinese Leadership in Malaysia: The Contest for the MCA and Gerakan Presidency”, *Contemporary Southeast Asia*, 28, no. 1 (2006).

<sup>84</sup> Mohamad Abu Bakar, “Politik Malaysia: Antara Tradisi dan Demokrasi”, dalam Mohamad Abu Bakar, *Potret Masa (Jilid 1): Persaingan Ideologi dan Pemulihan Tradisi* (Petaling Jaya: Gateway Publishing, 1994), 84.

<sup>85</sup> Mohamad Abu Bakar, “Konservatisme dan Konflik”.

<sup>86</sup> Helen Ting, “Gender discourse in Malay Politics”, dalam Edmund Terence Gomez (pnyt.), *Politics in Malaysia: The Malay Dimension* (New York: Routledge, 2007).

“konservatisme kepimpinan UMNO” yang bertunjangkan feudal, status quo dan hierarki memberi kesan terhadap takat peranan dan fungsi wanita dalam pertubuhan itu.

Kesimpulannya, sorotan tema ketiga ini dengan lebih jelas telah menampakkan praktik dan penginstitusian ideologi konservatisme dalam budaya dan perlakuan politik UMNO. Boleh dihujahkan, konservatisme UMNO mempunyai akar yang berkait rapat dengan nilai feudalisme yang telah diinstitusikan ke dalam perlembagaan negara menerusi ciri-ciri seperti kedudukan agama Islam dan bahasa Melayu, raja-raja dan hak istimewa orang Melayu. Sekaligus ia membentuk struktur yang berhierarki dan mempunyai ketidaksamaan sosial. Kerangka ini pula diperkuatkan dengan beberapa “prinsip pengorganisasi” seperti kesetiaan bulat terhadap kepimpinan, penolakan terhadap tentangan minoriti dan penerimaan terhadap sesuatu orde dan tradisi. Bagaimanapun, sesuai dengan peredaran zaman, nilai-nilai ini sentiasa mengalami pertembungan dan pergeseran dengan nilai-nilai demokrasi. Sebagai langkah balas, terdapatnya usaha menginstitusikan tradisi ciptaan demi menjamin keakuratan dan kestabilan sesuatu orde sosial. Hal ini juga boleh terpapar dalam pengutaraan gagasan Nilai Asia yang digunakan sebagai ideologi untuk memperkuatkan legitimasi rejim pemerintah.

### **Kajian Mengenai Era Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi**

Analisis Mely Caballero-Anthony (2005)<sup>87</sup> mengenai transisi politik di negara-negara Asia Tenggara mendapati era Abdullah telah memberikan satu imej dan gambaran yang berbeza dari pemerintahan autoritarian Mahathir. Sikap Abdullah yang menekankan pembaharuan dalam konteks tadbir urus dan dasar keterbukaan telah melambangkan satu peralihan besar dalam proses pendemokrasian. Pandangan ini juga dipersetujui oleh Ghazali Mayudin dan rakan-rakannya (2006)<sup>88</sup> yang berhujah bahawa era keterbukaan yang dibawa Abdullah telah memberikan petanda positif terhadap kemajuan demokrasi di Malaysia. Bagaimanapun, keterbukaan ini tidaklah dipraktikkan sehingga menjadikan kestabilan negara sebagai galang ganti. Namun usaha untuk membebaskan diri dari Mahathirisme akhirnya mencetuskan konflik kepada pentadbiran Abdullah. Bagi sesetengah pengkaji seperti Bridget Welsh (2005),<sup>89</sup> K.S Nathan (2006)<sup>90</sup> dan Abdul Rahman Embong (2007)<sup>91</sup>, struktur politik Mahathir yang banyak tertumpu kepada konsep “eksekutif yang kuat” dan “kesetiaan” menjadikan perubahan yang diperkenalkan Abdullah menimbulkan pertembungan nilai yang signifikan. Hal ini termasuklah elemen-elemen seperti korupsi, kronisme, nepotisme dan konservatisme agama yang menyulitkan proses perubahan yang ingin diambil Abdullah. Keadaan ini makin jelas dirasai apabila Mahathir mula melancarkan kritikan terhadap pentadbirannya dan dasar keterbukaan yang berlaku mula dieksplorasi sesetengah pihak.

---

<sup>87</sup> Mely Caballero-Anthony, “Political Transitions in Southeast Asia”, *Southeast Asian Affairs* (2005).

<sup>88</sup> Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud dan Zaini Othman, “Isu-isu Dominan dalam Politik Malaysia”, dalam Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud dan Zaini Othman (pnyt.), *Demokrasi, Kepimpinan dan Keselamatan* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).

<sup>89</sup> Bridget Welsh, ‘Malaysia in 2004: Out of Mahathir Shadow’, *Asian Survey*, 45, no. 1 (2005).

<sup>90</sup> K.S Nathan, ‘Malaysia: The Challenge of Money Politics and Religious Activism’, *Southeast Asian Affairs* (2006).

<sup>91</sup> Abdul Rahman Embong, “Menjejaki Masa Depan Negara Melampaui Wawasan 2020”, dalam Sivamurugan Pandian et al. (pnyt.), *Abdullah Ahmad Badawi: 3 Tahun di Putrajaya* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2007).

Keadaan yang serupa boleh dilihat dalam pengenalan Islam Hadhari yang diperkenalkan Abdullah sebagai reaksinya terhadap penularan konservatisme agama. Beberapa kajian-kajian mengenai Pilihan Raya Umum Ke-11 pada 2004 seperti Joseph Liow (2005),<sup>92</sup> Abdul Rashid Moten dan Tunku Mohar Mokhtar (2006)<sup>93</sup> dan Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2006)<sup>94</sup> sepakat mendapati selain dari faktor “fenomena Pak Lah”, kesederhanaan agama merupakan faktor terpenting yang menyumbang kepada kemenangan besar BN pada 2004. Penekanan BN kepada Islam yang sederhana iaitu Islam Hadhari berbanding sikap PAS yang cuba mentafsirkan Islam dengan kaedah yang sempit seperti cadangan untuk mewujudkan pelaksanaan undang-undang hudud telah menyebabkan timbulnya bantahan yang kuat dari pengundi. Namun begitu, setelah beberapa tahun pelaksanaannya, beberapa kajian seperti Ioannis Gatsiounis (2006),<sup>95</sup> K.S Nathan (2007),<sup>96</sup> Gerhard Hoffstaedter (2009)<sup>97</sup> dan Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2010)<sup>98</sup> telah membangkitkan bahawa Islam Hadhari telah menerima imej yang kurang menyenangkan kerana kebangkitan Islamis telah meningkatkan konservatisme agama dan sikap tidak bertoleransi.

Kesan dari konflik-konflik ini seterusnya membawa kepada keputusan mengejut dalam PRU-12 apabila BN kehilangan majoriti dua pertiga dan kehilangan kuasa di lima buah negeri. Keputusan PRU-12 yang mengejutkan ini dilihat oleh Thock Ker Pong (2008),<sup>99</sup> Andreas Ufen (2008)<sup>100</sup> dan Michael O’Shannassy (2008)<sup>101</sup> sebagai perubahan besar terhadap senario politik Malaysia yang ditandai dengan penolakan terhadap politik perkauman, kewujudan sistem politik dua barisan, penghakisan hegemoni UMNO sebagai parti dominan negara dan penolakan terhadap politik pembangunan. Sebahagian sebab terhadap keputusan ini dianggap oleh Ahmad Atory (2009) berpunca dari perubahan radikal yang dibawa Abdullah seperti dasar keterbukaan yang tidak sesuai dilakukan dalam sistem yang sebatи dengan perubahan yang beransur-ansur dan bertentangan dengan sifat UMNO dan orang Melayu yang konservatif.<sup>102</sup> James Chin dan

<sup>92</sup> Joseph Chin Yong Liow, “The Politics Behind Malaysia’s Eleventh General Election”, *Asian Survey*, 45, no. 6 (2005), 907-930.

<sup>93</sup> Abdul Rashid Moten dan Tunku Mohar Mokhtar, “The 2004 General Elections in Malaysia”, *Asian Survey*, 46, no. 2 (2006).

<sup>94</sup> Ahmad Fauzi Abdul Hamid, “The UMNO-PAS Struggle: Analysis of PAS’s Defeat in 2004”, dalam Saw Swee-Hock dan K.Kesavapany (pnyt.), *Malaysia: Recent Trends and Challenges* (Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2006).

<sup>95</sup> Ioannis Gatsiounis, “Islam Hadhari in Malaysia” dalam Hillel Fradkin, Husain Haqqani dan Eric Brown (pnyt.), *Current Trends in Islamist Ideology*, Vol.3 (Washington: Hudson Institute, 2006).

<sup>96</sup> K.S Nathan, “Globalization and the Post 9/11 Era: Problems and Prospects for Multi-Religious Coexistence and Cooperation in Southeast Asia, Europe and America”, dalam K.S Nathan (pnyt.), *Religious Pluralism in Democratic Societies* (Singapore: Konrad-Adenauer-Stiftung, 2007).

<sup>97</sup> Gerhard Hoffstaedter, “Islam Hadhari: A Malaysian Islamic multiculturalism or another blank banner?”, *Contemporary Islam*, no.3 (2009).

<sup>98</sup> Ahmad Fauzi Abdul Hamid, “Politically Engaged Muslims in Malaysia in the Era of Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009)”, *Asian Journal of Political Science*, 18, no. 2 (2010).

<sup>99</sup> Thock Ker Pong, “UMNO dalam Dilema”, *Pemikir*, 53 (2008).

<sup>100</sup> Andreas Ufen, “The 2008 Elections in Malaysia: Uncertainties of Electoral Authoritarianism”, *Taiwan Journal of Democracy*, 4, no.1 (2008).

<sup>101</sup> Michael O’Shannassy, “Beyond the Barisan Nasional? A Gramscian Perspective of the 2008 Malaysian General Elections”, *Contemporary Southeast Asia*, 31, no.1 (2008).

<sup>102</sup> Ahmad Atory Hussain, *Politik Melayu Di Persimpangan: Suatu Analisis Pilihan Raya Umum 2008* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2009), 366-367.

Wong Chin Huat (2009) turut menyifatkan legasi negatif Mahathir yang telah bertapak kukuh menjadi halangan besar buat Abdullah. Parti seperti UMNO menurut mereka begitu bergantung kepada politik penaungan dan etnosentrisme dan sebarang proses reformasi terhadap elemen-elemen seperti ini akan menimbulkan tentangan kuat.<sup>103</sup>

### Kesimpulan

Dengan menggabungkan kerangka teoritikal mengenai konservatisme dan juga perbincangan mengenai sorotan kajian berhubung idea-idea konservatisme dalam empat tema sebelum ini, adalah agak jelas bahawa kajian akademik yang menggunakan perspektif konservatisme masih belum dilakukan secara tuntas dan sistematik setakat ini. Biarpun idea konservatisme disentuh secara konsisten, ia adakalanya dinyatakan dalam maksud yang tersirat, secara kebetulan atau sekali imbas dalam membicarakan aspek-aspek yang tidak berkaitan dengan konservatisme. Usaha yang lebih mendalam dapat dilihat dari kajian-kajian berkenaan Nilai Asia seperti Rodan (1996), Robison (1996) dan Jayasuriya (1998). Begitu juga kajian Mohamad Abu Bakar (2000) yang menggunakan konservatisme sebagai alat analisis konflik walaupun skopnya terbatas kepada isu politik Islam. Sorotan kajian juga telah menunjukkan bahawa terdapatnya keselarian antara empat prinsip utama konservatisme dan juga amalan politik rejim UMNO dalam menyumbang terhadap pengekalan status quo. Ringkasnya, ia memenuhi dua elemen yang dicadangkan oleh Funston iaitu sifatnya yang “implisit” dan “praktikal”. Namun hujah ini ini tidak pula mengandaikan bahawa konservatisme yang didukung itu gagal memperolehi legitimasi dari massa. Fakta ini dicerminkan oleh bukti bahawa rejim pemerintah dilihat sebagai pihak yang dapat menjamin pembangunan ekonomi, mengamalkan pendekatan sederhana dan ketiadaan satu rejim alternatif yang teguh. Tetapi pada masa yang sama wujudnya persetujuan kuat di kalangan sarjana bahawa kemandirian ini telah mewujudkan satu ekosistem politik yang sukar dirombak dan menjadi penjustifikasi bagi mengekang prospek perubahan.

Sehubungan itu, kajian lebih sistematik mengenai konservatisme dan peranannya dalam sesebuah rejim konservatif seperti UMNO perlu dilakukan khususnya dalam melihat bagaimana ia berfungsi dalam menyumbang kepada pengekalan hegemoni politik. Mempertimbangkan premis bahawa “konservatisme melibatkan teori mengenai perubahan”<sup>104</sup> dan reformasi yang dilakukan dalam sistem parti dominan berpotensi menimbulkan konflik dan ancaman kepada rejim,<sup>105</sup> hal ini menjadi lebih penting untuk diberi perhatian apabila dikaitkan dengan era kepimpinan Abdullah. Dengan melihat kepada sorotan yang dibentangkan, konservatisme merupakan satu tema penting yang dihadapi oleh Abdullah dalam membawa reformasi politik dalam eranya. Berpandukan kepada kajian Cohen, persoalan-persoalan seperti tentang terhadap perubahan, legasi dan kumpulan berkepentingan merupakan elemen yang membina ideologi konservatisme secara kumulatif seperti yang diaplikasikannya dalam menganalisis halangan yang dihadapi oleh pemimpin reformis pertama Soviet Union, Nikita Khrushchev (1953-

<sup>103</sup> James Chin dan Wong Chin Huat, “Malaysia’s Electoral Upheaval”, *Journal of Democracy*, 20, no.3 (2009), 81-82.

<sup>104</sup> Francis G. Wilson, “A Theory of Conservatism”, *The American Political Science Review*, 35, no. 1 (1941), hlm.30.

<sup>105</sup> Tompson, “Khrushchev and Gorbachev as Reformers: A Comparison”, *British Journal of Political Science*, hlm.79

1964).<sup>106</sup> Berpandukan kepada kajian ini dan juga beberapa kajian mengenai parti dominan di beberapa buah negara yang telah dijelaskan, ia boleh dijadikan sandaran terdekat dalam usaha mengaplikasikan konservatisme dalam konteks politik Malaysia khususnya dalam era Abdullah. Selain dari itu, penggunaan konservatisme sebagai satu alat analisis dapat melengkapkan pendekatan dan teori-teori tradisional yang lazimnya digunakan bagi menganalisis politik Malaysia seperti kelas, perkauman, demokrasi, permuafakatan, hegemoni, identiti, budaya dan sebagainya. Hal ini sejajar dengan gesaan agar kajian-kajian mengenai sains sosial di Malaysia dapat membebaskan diri dari konstruk analitikal yang lebih kurang sama dan memperbanyakkan perbincangan teoritis yang dianggap belum begitu menggalakkan.<sup>107</sup>

Dari sudut yang lebih praktikal, perspektif konservatisme dijangka dapat menerangkan secara konseptualnya kepimpinan Abdullah khususnya interaksi intra-elit yang berlaku dalam UMNO. Walaupun banyak tulisan mengenai Abdullah dihasilkan, ia dibuat dalam maksud yang tidak analitikal. Kandungannya lebih bersifat deskriptif tanpa dipandu oleh sebarang alat analisis. Ia lebih bersifat penilaian tentatif, berkala dan bagi tujuan penggunaan umum.<sup>108</sup> Dengan menghubungkan tema konservatisme dalam era Abdullah dan sifat UMNO sebagai sebuah rejim konservatif, kajian lanjut dijangka dapat membangunkan secara konseptual era kepimpinan Abdullah.

## Bibliografi

- “A Conference of Conservatism Studies: New conservatisms and New Approaches”, Prague, 14-15 Mei 2010. Atas talian <http://www.conservatismconference.org/call.html> (21 Oktober 2009).
- Abdul Rahman Abdullah. 1997. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Depok: Gema Insani.
- Abdul Rahman Embong. 2005. *Development and Well-Being*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul Rahman Embong. 2007. “Menjejaki Masa Depan Negara Melampaui Wawasan 2020” Dalam Sivamurugan Pandian et al (pnyt.), *Abdullah Ahmad Badawi:3 Tahun di Putrajaya*, Kuala Lumpur: Utusan Publications
- Abdul Rahman Embong. 2010. *Malaysian Studies: Looking Back, Moving Forward*. Puchong: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Abdul Rashid Moten dan Tunku Mohar Mokhtar, 2006. “The 2004 General Elections in Malaysia”, *Asian Survey*, 46.(2): 319-340.

<sup>106</sup> Cohen, “The Friends and Foes of Change: Reformism and Conservatism in the Soviet Union”.

<sup>107</sup> Shamsul Amri Baharuddin, “The Construction and Transformation of a Social Identity: Malayness and Bumiputeraness Re-Examined”, *Journal of Asian and African Studies*, 52 (1996), hlm.30; Abdul Rahman Embong, *Malaysian Studies: Looking Back, Moving Forward* (Puchong: Persatuan Sains Sosial Malaysia, 2010), hlm.10-11 dan 114.

<sup>108</sup> Lihat umpamanya, Ismail Noor, Pak Lah: a *Sense Of Accountability: an insight into effective stewardship*, (pnyt.) Elina Noor (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2003); Khoo Kheng-Hor, *Abdullah Administration: Abdullah Ahmad Badawi & His Government From Sun Tzu's Perspective* (Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2004); Chamil Wariya, *Abdullah Ahmad Badawi: Perjalanan Politik PM ke-5* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2004); Chamil Wariya, *Kesinambungan dan Perubahan: Malaysia di Bawah Pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2004); Sivamurugan Pandian, *Abdullah Ahmad Badawi: Jalan Ke Puncak* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2005); Sivamurugan Pandian et al. (pnyt.) *Abdullah Ahmad Badawi: 3 Tahun di Putrajaya* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2007); Paridah Abd Samad, *Abdullah Ahmad Badawi: A New Breeze in Malaysia's Politics* (Kuala Lumpur: Partisan Publication, 2008).

- Ahmad Atory Hussain. 2009. *Politik Melayu Di Persimpangan: Suatu Analisis Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2006. "The UMNO-PAS Struggle: Analysis of PAS's Defeat in 2004", dalam Saw Swee-Hock dan K.Kesavapany (pnyt.), *Malaysia: Recent Trends and Challenges*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies: 100-131.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2007. "Malay Anti-Colonialism in British Malaya:A Re-appraisal of Independence Fighters of Peninsular Malaysia", *Journal of Asian and African Studies*, 42.(5): 371-398.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2008. "The Islamic Opposition in Malaysia: New Trajectories and Directions?" *Working Paper Series No.151*. Singapura: S.Rajaratnam School of International Studies.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2010. "Politically Engaged Muslims in Malaysia in the Era of Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009)". *Asian Journal of Political Science* 18.(2): 154-176.
- Angel Lin dan Avin Tong. 2008. "Re-Imagining a Cosmopolitan "Asian Us": Korean Media Flows and Imaginaries of Asian Modern Feminities", Dalam Chua Beng Huat dan Koichi Iwabuchi (pnyt.), *East Asian Pop Culture:Analysing the Korean Wave*. Hong Kong: Hong Kong University Press: 91-126.
- Baradat, Leon P. 1994. *Political ideologies: Their Origins and Impact*, Ed.Ke-5. New Jersey: Prentice Hall.
- Barracough Simon. 1985. "The Dynamics of Coercion in the Malaysian Political Process". *Modern Asian Studies* 19.4: 797-822.
- Burke, Edmund. 1968. *Reflections On The Revolution in France*. Harmondsworth: Penguin Books Ltd.
- Caballero-Anthony,Mely. 2005. "Political Transitions in Southeast Asia". *Southeast Asian Affairs*. Singapore:ISEAS.
- Case, William. 1993. Semi-Democracy in Malaysia: Withstanding the Pressures for Regime Change. *Pacific Affairs*, 66.2: 183-205.
- Case,William. 2001. "Malaysia's Resilient Pseudodemocracy". *Journal of Democracy*, 12.(1): 43-57.
- Case,William. 2001b. "Malaysia's General Elections in 1999: A Consolidated And High-Quality Semi-Democracy". *Asian Studies Review*. 25.(1): 35-55.
- Case, William. 2004. "New Uncertainties for an Old Pseudo-Democracy". *Comparative Politics*, 37.(1): 83-104.
- Chamil Wariya. 2004. *Abdullah Ahmad Badawi: Perjalanan Politik PM ke-5*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2004.
- Chamil Wariya. 2004. *Kesinambungan dan Perubahan: Malaysia di Bawah Pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Chandra Muzaffar. 1992. *Pelindung*. Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara.
- Ching-fen Hu. 2005. "Taiwan's Geopolitics and Chiang Ching-Kuo's Decision to Democratize Taiwan". *Stanford Journal of East Asian Affairs*. 5.(1): 26-44.
- Christie, Kenneth. 1995. "Regime Security and Human Rights in Southeast Asia". *Political Studies*. 43: 204-218.
- Cohen, Stephen.F.1979. "The Friends and Foes of Change:Reformism and Conservatism in the Soviet Union",. *Slavic Review*. 38.(2): 187-202.

- Crespo, Jose Antonio. 1995. "The Liberal Democrat Party in Japan: Conservative Domination", *International Political Science Review*, 16.2: 199-209.
- Crouch, Harold. 1996. *Government and Society in Malaysia*. St.Leonards, NSW: Allen & Unwin.
- Duverger, Maurice. 1963. *Political Parties: Their Organization and Activity in the Modern State*. New York: Wiley.
- Feng Chan. 1997. "Order and Stability in Social Transition: Neoconservative Political Thought in Post-1989 China." *The China Quarterly*. 151: 593-613.
- Festenstein, Matthew dan Kenny, Michael. 2005. *Political Ideologies*. Oxford: Oxford University Press.
- Fewsmith, Joseph. 1995. "Neoconservatism and the End of the Dengist Era". *Asian Survey*. 35.(7): 635-651.
- Francis Loh Kok Wah dan Johan Saravanamuttu (pnyt.). 2003. *New Politics in Malaysia*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Francis Loh Kok Wah. 2002. "Developmentalism and the Limits of Democratic Discourse". Dalam Francis Loh Kok Wah dan Khoo Boo Teik (pnyt.), *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices*. Surrey: Curzon Press.
- Freeman, Michael. 1996. "Human Rights, Democracy and 'Asian Values'". *The Pacific Review*. 9.(3): 352-366.
- Funston, John. 1980. *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO & PAS*, Kuala Lumpur: Heinemann.
- Funston, John. 2000. "Malaysia's Tenth Election: Status Quo, Reformasi or Islamization?". *Contemporary Southeast Asia*. 22.(1): 23-29.
- Gatsiounis, Ioannis. 2006. "Islam Hadhari in Malaysia" Dalam Hillel Fradkin, Husain Haqqani dan Eric Brown (pnyt.). *Current Trends in Islamist Ideology*, Vol.3. Washington: Hudson Institute.
- Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud dan Zaini Othman. 2006. "Isu-isu Dominan dalam Politik Malaysia" Dalam Ghazali Mayudin et.al (pnyt.), *Demokrasi, Kepimpinan dan Keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: 15-25.
- Giddens, Anthony. 2002. *Runaway World: How Globalisation Is Reshaping Our Lives*. London: Profile Books.
- Hall, Iain dan Renger, Nicholas. 2005. "The Right that failed? The ambiguities of conservative thought and dilemmas of conservative practice in international affairs". *International Affairs*, 81.(1): 69-82.
- Hampsher-Monk, Iain. 1987. *The Political Philosophy of Edmund Burke*, London: Longman.
- Hari Singh. 1998. "Tradition, UMNO and political succession in Malaysia". *Third World Quarterly*. 19.(2): 241-254.
- Helen Ting. 2007. "Gender discourse in Malay Politics". Dalam Edmund Terence Gomez (pnyt.). *Politics in Malaysia: The Malay Dimension*. New York: Routledge.
- Heywood, Andrew. 1992. *Political Ideologies: An Introduction*. Houndsill, Macmillan.
- Hilley, John. 2001. *Malaysia: Mahathirism, Hegemony and The New Opposition*. London: Zed Books.

- Hobsbawm, Eric. 1983. "The Invention of Tradition". Dalam Eric Hobsbawm dan Terence Ranger (pnyt.). *The Invention of Tradition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hoffstaedter, Gerhard. 2009. "Islam Hadhari: A Malaysian Islamic multiculturalism or another blank banner?". *Contemporary Islam* 3: 121-141.
- Honderich, Ted. 1990. *Conservatism*. Boulder: Westview Press.
- Huntington, Samuel. 1957. "Conservatism as an Ideology". *American Political Science Review*, 51.(2): 457-473.
- In-Won Hwang. 2003. *Personalized Politics: The Malaysian State under Mahathir*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ismail Noor. 2003. *Pak Lah: a sense of accountability: an insight into effective stewardship*, (pnyt.) Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Jae Hyon Lee. 2005. "UMNO Factionalism and the Politics of Malaysian National Identity". Tesis PHD. School of Politics and International Studies, Murdoch University, Australia.
- James Chin dan Wong Chin Huat. 2009. "Malaysia's Electoral Upheaval". *Journal of Democracy*. 20.(②) 71-85.
- James Chin. 2006. "New Chinese Leadership in Malaysia: The Contest for the MCA and Gerakan Presidency". *Contemporary Southeast Asia*. 28.(1): 70-87.
- Jayasuriya, Kanishka. 1998. "Understanding 'Asian values' as a form of reactionary modernization". *Contemporary Politics*. 4.(1): 77-91.
- Jesudason, James. J. 1995. "Statist Democracy and the Limits to Civil Society in Malaysia". *Journal of Commonwealth and Comparative Politics*. 33.(3): 335-356.
- Joseph Chin Yong Liow. 2004. "Political Islam in Malaysia: Problematising Discourse and Practice in the UMNO-PAS 'Islamisation Race'". *Commonwealth & Comparative Politics*. 42.(2): 184-205.
- Joseph Chin Yong Liow. 2005. "The Politics Behind Malaysia's Eleventh General Election". *Asian Survey*. 45.(6): 907-930.
- Jost, John.T, Glaser, Jack, Kruglanski, Arie. W dan Sulloway, Frank J.. 2003."Political Conservatism as Motivated Social Cognition". *Psychological Bulletin*. 129.(3): 339-375.
- K.S Nathan. 2006. "Malaysia: The Challenge of Money Politics and Religious Activism, *Southeast Asian Affairs*. Singapore: ISEAS.
- K.S Nathan. 2007. "Globalization and the Post 9/11 Era: Problems and Prospects for Multi-Religious Coexistence and Cooperation in Southeast Asia, Europe and America". Dalam K.S Nathan (pnyt.), *Religious Pluralism in Democratic Societies*. Singapore: Konrad-Adenauer-Stiftung.
- Khoo Boo Teik. 1995. *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Khoo Boo Teik. 1999. "The Value(S) Of A Miracle: Malaysian and Singaporean Elite Constructions of Asia". *Asian Studies Review*. 23.(2): 181-192.
- Khoo Boo Teik. 2003. *Beyond Mahathir: Malaysian Politics and its Discontents*. London: Zed Books.
- Khoo Kheng-Hor. 2004. *Abdullah Administration: Abdullah Ahmad Badawi & His Government From Sun Tzu's Perspective*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Kirk, Russel,1993. *The Politics of Prudence*. Detroit: ISI Books.

- Kollner, Pätrick (2006). "The Liberal Democratic Party at 50: Sources of Dominance and Changes in the Koizumi Era". *Social Science Japan Journal*. 9.(2): 243-257.
- Lee Hock Guan. 2002. "Malay Dominance and Opposition Politics In Malaysia". *Southeast Asian Affairs*. Singapore: ISEAS.
- LI Xiushi. 2007. "Japanese Neo-conservative Foreign Strategy". *Global Review*. Winter: 166-182.
- Loole, Lyne. 2001. "Germany: A Conservative Regime in Crisis?". Dalam Allan Cochrane, John Clarke dan Sharon Gewirtz (pnyt.), *Comparing Welfare States*. London. Milton Keynes: The Open University.
- Mauzy, Diane.K. 2006. "The Challenge to Democracy: Singapore's and Malaysia's Resilient Hybrid Regimes". *Taiwan Journal of Democracy*. 2.(2): 47-68.
- Maznah Mohamad. 2001."The Unravelling of a Malay Consensus". *Southeast Asian Affairs*. Singapore: ISEAS.
- McClosky, Herbert. 1958. "Conservatism and Personality". *The American Political Science Review*. 52.(1): 27-45.
- Means, Gordon.P. 1976. *Malaysian Politics*. London: Hodder and Stoughton.
- Means, Gordon.P. 1991. *Malaysian Politics: The Second Generation*. Oxford: Oxford University Press.
- Means, Gordon.P..1996. "Soft Authoritarianism in Malaysia and Singapore. *Journal of Democracy*,. 7.(4): 103-117.
- Michael Ying-mao Kau. 1996. "The Power Structure in Taiwan's Political Economy". *Asian Survey*. 36. (3): 287-305.
- Milne, R.S dan Mauzy, Diane.K. 1991. *Malaysian Politics under Mahathir*. London: Routledge.
- Milner, Anthony. 2000. "What Happened to 'Asian Values'?", Dalam Gerald Segal and David S.G. Goodman (pnyt). *Towards Recovery in Pacific Asia*. London: Routledge.
- Mohamad Abu Bakar.1991."Politik Malaysia:Antara Tradisi dan Demokrasi" Dalam Mohamad Abu Bakar (pnyt.), *Potret Masa (Jilid 1): Persaingan Ideologi dan Pemulihian Tradisi*. Petaling Jaya: Gateway Publishing.
- Mohamad Abu Bakar. 2000. "Konservatisme dan Konflik: Isu 'Kafir-Mengkafir' dalam Politik Kepartian 1955-2000". *Pemikir* Julai: 121-159.
- Mohamed Salleh Lamry, 2006. *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (pnyt.). 2002. *Politik Baru dalam Pilihanraya Umum*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Munro-Kua, Anne. 1996. *Authoritarian-Populism in Malaysia*. London: Macmillan Press.
- Nisbet, Robert A. 1952. "Conservatism and Sociology". *The American Journal of Sociology*. 58. (2): 167-175.
- Neher, Clark.D. 1994. "Asian Style Democracy". *Asian Survey* 34.11: 946-961.
- Nordlander, David. 1993. "Khruschev's Image in the Light of Glasnost and Perestroika". *Russian Review*. 52.(2): 248-264.
- O'Shannassy, Michael. 2008. "Beyond the Barisan Nasional? A Gramscian Perspective of the 2008 Malaysian General Elections". *Contemporary Southeast Asia*. 31.(1): 88-109.

- O'Sullivan, Noel. 1976. *Conservatism*. London: Bent.
- Oakeshott, Michael. 1967. *Rationalism in Politics and other essays*. London: Methun & Co.Ltd.
- Paridah Abd Samad. 2008. *Abdullah Ahmad Badawi: A New Breeze in Malaysia's Politics*. Kuala Lumpur: Partisan Publication, 2008.
- Pempel, T.J, 1982. *Policy and Politics in Japan: Creative Conservatism*. Temple University Press: Philadelphia.
- Pempel, T.J. 1998. *Regime Shift: Comparative Dynamics of The Japanese Political Economy*. Ithaca and London: Cornell University Press.
- Pempel, T. J. 2007. "Japanese Strategy Under Koizumi". Dalam Gilbert Rozman, Kazuhiko Togo dan Joseph P. Ferguson (pnyt.), *Japanese Strategic Thought toward Asia*. New York: Palgrave Macmillan.
- Puhle, Hans-Jurgen, 1978. "Conservatism in Modern Germany". *Journal of Contemporary History*. 13.(4): 689-720.
- Reuter, Ora John dan Remington, Thomas F. 2009. "Dominant Party Regimes and the Commitent Problem: The Case of United Russia". *Comparative Political Studies*. 42.(4): 501-526.
- Robison, Richard. 1996, "The Politics of 'Asian Values'". *The Pacific Review*. 9.(3): 309-327.
- Rodan, Garry. 1996. "The Internationalization of Ideological Conflict: Asia's New Significance". *The Pacific Review*. 9.(3): 328-351.
- Rolls, David. 2004. "The Emergence of The "Jiang Zemin Era": Legitimacy and the Development of the Political Theory of "Neo-Conservatism" - 1989-1995", Disertasi Ph.D. University Of Southern Queensland, Australia.
- Rustam A. Sani. 2008. *Social Roots of the Malay Left*. Petaling Jaya: SIRD.
- Sakakibara, Eisuke. 2003. *Structural Reform in Japan: Breaking The Iron Triangle*, Washington: The Brookings Institution.
- Sargent, Lyman Tower. 1996. *Contemporary Political Ideologies*. Ed.Ke-10. Belmont: Wadsworth Publishing Company.
- Schumann, Hans-Gerd. 1978. "The Problem of Conservatism: Some Notes on Methodology". *Journal of Contemporary History*. 13. (4): 803-817.
- Scott, James. C. 1968. *Political Ideology in Malaysia: Reality and the Beliefs of an Elite*. New Haven: Yale University Press.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1996. "The Construction and Transformation of a Social Identity: Malayness and Bumiputeraness Re-Examined". *Journal of Asian and African Studies*. 52: 15-33.
- Sivamurugan Pandian. 2005. *Legasi Mahathir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Sivamurugan Pandian. 2005. *Abdullah Ahmad Badawi: Jalan Ke Puncak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Sivamurugan Pandian et al. (pnyt.). 2005. *Abdullah Ahmad Badawi: 3 Tahun di Putrajaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Scruton, Roger. 1982. *A Dictionary of Political Thought*. London: Pan Books.
- Susser, Bernard. 1995. *Political Ideology in the Modern World*. Boston: Allyn & Bacon.
- Tompson, William J. 1993. "Khrushchev and Gorbachev as Reformers: A Comparison". *British Journal of Political Science* 23.(1): 1101-1021.
- Thock Ker Pong. 2008. "UMNO dalam Dilema". *Pemikir* 53: 19-47.

- Ufen, Andreas. 2008. "The 2008 Elections in Malaysia: Uncertainties of Electoral Authoritarianism". *Taiwan Journal of Democracy*. 4.(1): 155-169.
- Verma, Vidhu. 2004. *Malaysia: State and Civil Society in Transition*. Petaling Jaya: SIRD.
- Vincent, Andrew. 1995. *Modern Political Ideology*. Oxford: Blackwell.
- Weiss, Meredith. 2000. "The 1999 Malaysian General Elections: Issues, Insults and Irregularities". *Asian Survey*, 40 (3): 413-435.
- Welsh, Bridget. 1996. "Attitudes towards democracy in Malaysia". *Asian Survey*. 36(9): 882-903.
- Welsh, Bridget. 2005 . "Malaysia in 2004: Out of Mahathir Shadow". *Asian Survey* 45.(1): 153-160.
- Wilson, Francis.G.1941. "A Theory of Conservatism". *The American Political Science Review*. 35(1): 29-49.
- Zakaria Ahmad, 1989. "Malaysia: Quasi-Democracy in a Divided Society". Dalam Larry Diamond, Juan J.Linz dan Seymour Martin Lipset (pnyt.), *Democracy in Developing Countries*. Boulder: Lynn Reiner.